

BENGKEL ASAS FASILITATOR PEMBANTU PELAJAR MINGGU SUAIKENAL (PPMS)

Oleh ; Aizatul Akma Wani Ariffin



Minggu Suaikenal 2009/2010 yang bakal menggantikan mahasiswa-mahasiswi baru UniMAP pada bulan Jun nanti adalah merupakan satu detik permulaan kepada bakal mahasiswa. Oleh itu, dalam memastikan kelancarannya, maka satu bengkel asas fasilitator telah dirangka untuk mencari bakal-bakal pembantu pelajar minggu suaikenal (PPMS). Bengkel yang dianjurkan oleh Unit Latihan & Pembangunan Pelajar, HEPA ini telah menarik minat seramai 226 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar Semester 2 dan ke atas. Bengkel selama 2 hari ini telah dijayaikan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan juga turut digerakkan oleh tenaga penggerak dari pihak Biro Tatanegara (BTN).

Antara pengisian yang terkandung sepanjang bengkel ini adalah mengenai panduan asas kepada bidang kefasilitatoran. Peserta bengkel ini tidak hanya diterapkan secara teori oleh 2 orang penceramah iaitu En. Sudin Sarmin dan En. Fadzil Jamaluddin, malahan turut diberi pendedahan secara praktikal mengenai bidang kefasilitatoran. Pendedahan secara praktikal ini dikendalikan oleh 9 orang tenaga mahir daripada pihak BTN iaitu terdiri daripada En. Shahimi B. M. Alim, En. Othman B. Karim, En. Khairil B. Othman, En. Mohd Salleh B. Muhamad, En. Khalid B. Ahmad, En. Muhammad Hanif B. Omar Baki, En. Zamiruddin B. Ma'az, En. Mohamad Yazi B. Kerya dan En. Khamis B. Hj. Osman. Hal ini adalah untuk memastikan para peserta dapat mempersiapkan diri sebelum disaring ke bengkel lanjutan PPMS.

Sesi penutup bengkel ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Dato'Naib Canselor UniMAP. Dalam ucapannya, beliau telah menyatakan hasratnya kepada para peserta bengkel serta turut menyampaikan cenderahati kepada barisan fasilitator yang telah menjayakan bengkel tersebut.